

PM sedih salah guna Internet berleluasa di Malaysia

BH - 5 SEP, 2000

CHICAGO, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap setengah pihak di Malaysia yang menyalahgunakan kemudahan Internet berbanding bangsa lain menggunakannya untuk tujuan berfaedah.

"Saya amat sedih kerana Internet digunakan oleh kaum lain sama ada orang Amerika, Eropah, India dan sebagainya untuk meningkatkan keupayaan dan mencari perniagaan baru yang boleh memberi kekayaan kepada mereka.

"Di seuruh dunia orang menggunakan hiternet untuk lebu' raya maklumat yang boleh mendatangkan banyak faedah.

"Tetani di Malaysia kita dapati Internet dijadikan sistem canggih surat la-yang, tidak lebih daripada itu," katanya pada sidang akhbar di sini, ketika diminta mengufas terhadap laporan penyaluran pelbagai maklumat menerusi Internet.

Syarikat lain juga menawarkan latihan di Amerika atau menubuhkan rangkaian pusat latihan yang boleh mengeluarkan pekerja berilmu di Malaysia.

"Kita akan mempertimbangkan tawaran mereka itu termasuk Motorola," katanya

Mengenai pertemuan dengan pelajar, Dr Mahathir berkata mereka sedar tanggungjawab mereka.

"Soalan yang dikemukakan tidak tertumpu kepada soal politik tktapi lebih kepada ekonomi, kewangan negara dan kedudukan negara. Mereka matang sekali," katanya.

Mengenai usaha syarikat di negara ini membantu memulihkan imej Malaysia akibat kegawatan ekonomi, beliau berkata satu rombongan dari Amerika Syarikat akan ke Kuala Lumpur dua minggu lagi.

Mereka akan mengenal pasti syarikat yang mereka boleh bekerjasama serta berjanji untuk meno-

Perdana Menteri sedih kerana di Malaysia, sebarang benda baik boleh digunakan secara buruk.

"Kita beri demokrasi, mereka menyalahgunakan demokrasi. Agama Islam yang begitu baik, digunakan untuk memecah-belahkan umat Islam dengan menimbulkan kebencian kepada orang Islam.

"Di Malaysia, kecekapan menyalahgunakan apa saja, adalah sesuatu yang istimewa. Sebaliknya orang lain, bagi saya kepada mereka, mereka akan menjadikan semuanya sebagai yang membawa manfaat," katanya.

Mengenai tawaran Universiti Motorola bekerjasama dengan Universiti Multimedia, Dr Mahathir berkata syarikat itu memang berminat dengan latihan yang diadakan di universiti di Malaysia kerana mereka memerlukan lulusan universiti.

"Mereka ingin membantu supaya kita mengeluarkan lebih ramai pekerja yang berilmu. Bukan Motorola saja. Hari ini beberapa

long membetulkan imej dan meningkat bilangan pelancong Amerika ke Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata, sepanjang lawatannya ke sini, semua pemimpin pertuduhan dan syarikat milik umat Islam menunjukkan minat untuk bekerjasama.

Mereka menganggap Malaysia sebagai negara Islam yang termaju. Namun mereka juga sedar masalah dihadapi masyarakat Islam dan berpendapat imej umat Islam perlu diperbetulkan.

Mengenai tindakan Persatuan Islam Amerika Utara (Isna), yang cuba menghalang persatuan lain mengiktiraf Dr Mahathir, beliau berkata majoriti umat Islam di Amerika Syarikat lebih positif.

"Mereka tidak terpengaruh dengan dakwah tidak berasas. Malah, mereka ingin bekerjasama rapat dengan Malaysia dan menganggap Malaysia sebuah negara Islam yang berwibawa dan berjaya," katanya.